



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**PELATIH PEMBANTU TEKNIK (D.1-2)
JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PELATIH PEMBANTU TEKNIK
JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI
D.1-2 (\$530 - \$820 EB KHAS \$850 - \$970 SEBULAN)
KEKOSONGAN = TIGA (03)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) 4 kepujian / kredit mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa atau sebanding.

ATAU

- b) *BDTVEC / BTEC National Trade Certificate Grade 2 (NTC2)* dalam bidang Elektrikal / Elektronik atau bidang bersesuaian.

ATAU

- c) Telah berkhidmat di Jabatan Perkhidmatan Elektrik dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- d) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Membantu tugas-tugas yang diarahkan oleh Jurutera serta Ketua-Ketua Pembantu Teknik yang meliputi perkara-perkara berikut:
 - a. Membuat penyambungan bekalan api elektrik ke rumah-rumah dengan dibantu oleh Ketua masing-masing;
 - b. Membaiki kerosakan gangguan bekalan api elektrik ke atas rumah dan bangunan Kerajaan;
 - c. Menghantar barang-barang seperti kabel *transformer*, tiang dan lain-lain ke tempat-tempat projek di keempat-empat daerah;
 - d. Membuat tafsiran pendawaian dan alat-alat elektrik bagi bangunan-bangunan Kerajaan;
 - e. Bertugas siap sedia bila-bila masa dikehendaki termasuklah dipanggil bertugas apabila terdapat sebarang kerosakan dan lain-lain; dan
 - f. Menerima arahan daripada Pegawai-Pegawai Kanan dari semasa ke semasa.